

# Buang 230kg ganja ke laut elak dicekup

**LANGKAWI** - Lima lelaki Indonesia sanggup membuang empat bungkus besar mengandungi 230 kilogram (kg) ganja bernilai RM700,000 ke dalam laut selepas cubaan mereka membawa masuk dadah tersebut ke pulau ini dikesan pihak penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) pada Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, kehadiran sindiket tersebut yang menaiki dua buah bot berjaya dikesan oleh Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) kira-kira pukul 11.30 malam.

Katanya, bot pemintas APMM yang sedang melaksanakan Ops Benteng berjaya menjelaki dua bot kayu tersebut dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan 40.4 batu nautika di barat daya Pulau Beras Basah.

"Dua bot itu bagaimanapun cuba melarikan diri sebaik menyendari kehadiran pihak berkuasa sebelum mereka dilihat mencampakkan bungkus besar seperti guni ke dalam laut," katanya pada sidang akhbar di Langkawi semalam.

Katanya, kesemua empat bungkus itu bagaimanapun



**MOHD. ZAWAWI (tengah)** menunjukkan gambar lima lelaki Indonesia dan ganja seberat 230kg yang dirampas dalam Ops Benteng pada sidang akhbar di Langkawi semalam.

berjaya ditemui semula anggota penguat kuasa APMM.

"Sebuah lagi bot ronda APMM yang mengejar berjaya meraihan dua bot tersebut dan pemeriksaan menemui dua lelaki dalam bot pertama dan tiga lelaki bersama dua guni besar di bot kedua," ujarnya.

Mohd. Zawawi berkata, hasil pemeriksaan mendapat kesemua enam bungkus guni itu mengandungi 230kg ganja yang disyaki cuba diseludup ke Pulau Langkawi.

"Lima suspek merupakan warga Indonesia dan siasatan lanjut mendapat mereka tidak mem-

bawa sebarang dokumen pengenalan diri," katanya.

Tambahnya, kesemua suspek berusia antara 25 hingga 57 tahun dan barang rampasan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Negeri Kedah untuk siasatan lanjut di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.